

Najib: Wakil rakyat Umno sedia beri muka baru laluan tanding PRU
The Malaysian Insider
03 Disember, 2011
Oleh Shazwan Mustafa Kamal

KUALA LUMPUR, 3 Dis – Beberapa wakil rakyat Umno telah melahirkan kesediaan bagi membolehkan calon-calon baru menggantikan tempat mereka bertanding pilihan raya umum ke-13, kata perdana menteri hari ini.

Datuk Seri Najib Razak berkata beliau telah mengadakan pertemuan dengan beberapa wakil rakyat secara peribadi dan mereka bersedia untuk membolehkan wajah baru bertanding di kawasan mereka.

“Sesetengah ada bertemu saya secara peribadi. Saya tidak sebut siapa mereka,” kata beliau pada sidang media ringkas di sini di akhir Perhimpunan Agung Umno 2011.

“Muka-muka baru diperlukan (bagi rakyat) melihat Umno sebagai parti yang ada darah baru,” kata presiden Umno ini.

Katanya ia sebahagian daripada rancangan untuk memperlihatkan Umno sebagai sebuah parti yang “dinamik, bersedia untuk berubah.”

Najib juga menyifatkan Perhimpunan Agung Umno 2011 yang berakhir petang ini mencapai empat objektif yang ditetapkan dan meletakkan anggota parti dalam keadaan siapsiaga untuk menghadapi pilihan raya umum ke-13.

Kata Najib, para perwakilan telah mengarap dengan baik empat objektif yang ditetapkan beliau pada permulaan perhimpunan itu.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-wakil-rakyat-umno-sedia-beri-muka-baru-laluan-tanding-pru/>